

BAB 3

PERTOLONGAN CEMAS DALAM MAKMAL

Am

Pekerja dalam makmal terdedah kepada berbagai *hazard* yang menyebabkan kemalangan dan jangkitan. Antara kemalangan yang sering berlaku ke atas pekerja dalam makmal ialah jatuh, penganan atau cedera semasa melakukan kerja-kerja dalam makmal. Bila keadaan ini berlaku, kawan-kawan atau sesiapa saja yang ada berdekatan dengan mangsa lazimnya akan melihat sahaja kejadian tersebut. Hendak tolong tetapi takut dan tidak mempunyai pengetahuan. Bagi yang proaktif akan meminta orang lain untuk memanggil ambulan atau hubungi Bulan Sabit Merah Malaysia untuk memberi bantuan.

Justeru, jika berlaku sesuatu perkara yang tidak diingini di dalam makmal, garis panduan asas berikut perlu di ambil perhatian:

PERTOLONGAN CEMAS DALAM MAKMAL

Jika Berlaku Kemalangan, Kecederaan, Kematian, Tumpahan Bahan Kimia Atau Lain-Lain Insiden Dalam Makmal Laporkan Dengan Serta Merta Kepada Ketua Anda dan Seterusnya Dalam Masa Yang Sama Kendalikan Bantuan Pertolongan Cemas

Anda mestilah tahu:

- Cara memberi dan meminta bantuan pertolongan cemas
- Mengenalpasti punca-punca bahaya yang menyebabkan kemalangan dan jangkitan dan tindakan pencegahan dan kawalannya
- Kaedah dan garis panduan keselamatan makmal
- Tahu saluran membuat laporan kemalangan

Dalam tahun 2006, terdapat 58,321 jenis kemalangan yang berlaku di tempat kerja. Pecahan jenis-jenis kemalangan adalah seperti di Jadual 3.1 – Kemalangan Mengikut Jenis Kecederaan pada tahun 2006. Merujuk kepada Jadual 3.1, didapati jenis kemalangan yang tertinggi berlaku di tempat kerja ialah keretakan (10,805 kes dilaporkan), diikuti dengan lain-lain kecederaan (28,719 kes dilaporkan), luka luaran (4,500 kes dilaporkan), tergeliat dan terseliah (3,531 kes dilaporkan) dan hentaman kuat dan cedera dalaman (2,100 kes dilaporkan).

Jadual 3.1 – Kemalangan Mengikut Jenis Kecederaan Pada Tahun 2006

JENIS KEMALANGAN	BILANGAN KES DILAPORKAN
1. Keretakan (<i>Fractures</i>)	10,805
2. Dislokasi (<i>Dislocation</i>)	1,647
3. Tergeliat dan Terseliah	3,531
4. Hentaman Kuat dan Cedera Dalaman	2,100
5. Amputasi dan Enukelasi	753
6. Lain-lain Kecederaan	28,719
7. Luka Luar	4,500
8. Kontusi dan Kehancuran	1,682
9. Terbakar	853
10. Terdedah kepada racun	55
11. Kesan Cuaca	115
12. Mati lemas	87
13. Terdedah Kepada Elektrik	34
14. Kesan Radiasi	28
15. Kecederaan Berganda	1,329
16. Lain-Lain Kecederaan Tak Khusus	2,083
JUMLAH	58,321

Sumber: Laporan Tahunan PERKESO 2006